

**PERMOHONAN KELULUSAN
PELAN LAKAR BAGI PINDAAN
DALAMAN UNTUK LESEN
PREMIS PERNIAGAAN**

**BAHAGIAN BANGUNAN
JABATAN SENIBINA**

B: (PL)1

1 KETERANGAN PEMOHON

- 1.1 Nama Pemohon : _____
- 1.2 Alamat Premis : _____
Perniagaan
- 1.3 No. Kad Pengenalan/ : _____
No Pendaftaran Syarikat
- 1.4 No Telefon : Pejabat / Rumah: _____ H/P: _____

2 JENIS PERNIAGAAN : _____

3 MAKLUMAT DOKUMEN YANG DIKEHENDAKI semakan pejabat

3.1 Pelan Lakar

- i. Pelan Lokasi
ii. Pelan Lantai

Bentuk penambahan/ubahsuai
(3 salinan pelan)

3.2 Salinan Bukti Pemilikan, samada

- i. Salinan geran (QT/FT)
ii. Salinan Perjanjian Jual Beli
iii. Salinan Perjanjian Sewa (Jika penyewa)

3.3 Gambar Premis-Premis kosong ataupun telah dibina

3.4 Salinan resit cukai Taksiran Am (yang terkini)

3.5 Surat Akuan Bersumpah pemohon (disahkan oleh

Pesuruhjaya Sumpah mahkamah)

Tandatangan Pemohon

4 KELULUSAN

I. **LULUS**

(Dengan bayaran proses pelan sebanyak **RM70.00**)

II. **LULUS DENGAN SYARAT**

(Menjelaskan fee yang dinaikkan sebanyak **RM350.00** (5 kali bayaran proses) kerana membina dahulu tanpa kelulusan Majlis)

(Ketua Bahagian Bangunan)

Tarikh:



KELULUSAN PELAN LAKAR

BAHAGIAN BANGUNAN
JABATAN SENIBINA

B: (PL) 2

(SEDIAKAN DALAM 2 SALINAN)

Bil Surat MBK: () dlm.MBK/R/B:T/5-265

Bil Surat Tuan:

Tarikh : _____

Bersamaan : _____

Tuan/Puan,

KELULUSAN PELAN KERJA-KERJA TAMBAHAN KECIL (KELULUSAN PELAN LAKAR)

JENIS PREMIS : _____

ALAMAT PREMIS : _____

2. Kelulusan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti lampiran berkembar.

Sekian dimaklumkan, Terima Kasih.

'KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI'

Saya yang menjalankan amanah

Bahagian Bangunan
Jabatan Senibina
b.p Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuantan

Salinan untuk makluman :-

- i. Bahagian Pelesenan MBK
- ii. Jabatan Pengukuasaan, MBK
- iii. Pemilik Bangunan

1. No Resit Bayaran
Perkhidmatan Pelan

Disahkan telah dibayar oleh _____

DIKELUARKAN OLEH MAJLIS BANDARAYA KUANTAN
SYARAT-SYARAT KELULUSAN PELAN LAKAR SAMBUNGAN/
KERJA-KERJA TAMBAHAN KECIL
(KELULUSAN PELAN LAKAR)

1. TANGGUNGJAWAB

- a) Pemohon (Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar Atau Arkitek) adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan, kestabilan dan kekuahan struktur pembinaan.
- b) Apa jua terlibat daripada pembinaan ini adalah menjadi risiko pemohon sendiri dan tidak ada sebarang kaitan dengan Majlis Bandaraya Kuantan.

2. RANGKA STRUKTUR DAN BAHAN BINAAN

- a) Sebarang rangka struktur termasuk bumbung yang diperbuat daripada konkrit tetulang (reinforced concrete) adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- b) Kayu untuk struktur mestilah daripada jenis kayu kelas 'A'
- c) Binaan-binaan mestilah daripada bahan binaan ringan seperti Fascia Genting, Corrugated Asbestos Sheet, Spandex dan sebagainya.
- d) Bahan binaan bumbung daripada zink adalah tidak dibenarkan.
- e) Pembinaan hendaklah di dalam sempadan lot pemilik bangunan itu sendiri, melainkan mendapat kebenaran rasmi yang sah dari pemilik lot berjiran.

3. PEMERIKSAAN KERJA-KERJA BINAAN

- a) Pemohon hendaklah memaklumkan kepada MBK secara bertulis apabila semua kerja-kerja binaan telah siap sepenuhnya selewat – lewatnya dua minggu daripada tempoh kerja siap.
- b) MBK akan membuat pemeriksaan bagi memastikan segala kerja-kerja pembinaan dilaksanakan selaras dengan syarat-syarat kelulusan pelan.

4. PERMIT MELETAK BAHAN BINAAN (sekiranya Berkaitan)

- a) Pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan permit meletak bahan binaan daripada Bahagian Bangunan MBK sebelum memulakan kerja.
- b) Permit hendaklah dipamir dengan menggunakan standard plet (patil) MBK sehingga segala kerja – kerja pembinaan disiapkan dengan sempurna secara keseluruhannya.

c) Kadar-kadar adalah seperti berikut:-

- | | | | |
|-----|--|---|--|
| i. | Permit Meletak Bahan Binaan
Di atas Jalan
Kawasan Perniagaan | - | RM72.00 sebulan |
| ii. | Penggunaan Petak Letak
Kereta Untuk Meletak Bahan
Binaan dan Kerja-Kerja
Berkaitan. | - | RM10.50 untuk satu petak
sehari |

5. PAPAN TANDA PROJEK

Memasang dan mempamirkan papan tanda projek daripada mula kerja-kerja pembinaan sehingga kerja-kerja berkenaan siap dilaksanakan sepenuhnya. Papan tanda ini hendaklah mengandungi maklumat kelulusan MBK seperti nombor rujukan fail, tajuk pembinaan, nama pemohon serta alamat, nama pemborong dan tarikh kelulusan dikeluarkan.

6. KEBERSIHAN

Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mempastikan bahawa segala lebihan bahan binaan diselenggarakan dengan teratur dan memuaskan sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja pembinaan siap dilaksanakan sepenuhnya. Elakkan daripada berlakunya sebarang bentuk kacauanggu kepada longkang dan jalan awam, lot-lot bersebelahan dan persekitaran.

7. TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Ketidakpatuhan atau kecuaian pihak yang diberi kebenaran ini dalam mematuhi mana-mana syarat yang terkandung sepetimana yang disenaraikan di atas boleh menyebabkan pihak Majlis Bandaraya Kuantan mengambil tindakan yang sewajarnya dan membatalkan kebenaran yang telah diluluskan pada bila-bila masa yang difikirkan wajar.

8. AM

Pihak MBK berhak untuk meminda atau menambah apa jua syarat yang telah dinyatakan di atas, tertakluk kepada arahan dan keperluan semasa MBK.

Bahagian Bangunan
Jabatan Senibina
Majlis Bandaraya Kuantan

GARIS PANDUAN PENGEMUKAAN PELAN LAKAR UNTUK TUJUAN LESEN PERNIAGAAN

Bentuk Pindaan dan Perkara yang perlu dipatuhi sebelum Pengemukaan Pelan Lakar

1. Pemohon adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan Pelukis Pelan Berdaftar. Walaubagaimanapun permohonan boleh juga dikemukakan oleh individu / pemilik premis.
2. Pindaan **tidak melebihi 3 bilik** sahaja bagi kegunaan pejabat, restoran, utility, setor dan lain-lain yang melibatkan bahan binaan ringan jenis gypsumboard, cemboard, plywood, dinding panel kaca penuh / separa hingga ke paras siling.
3. Pintu hadapan kedai diganti dengan bahan binaan baru seperti ‘roller shutter’, pintu gelongsor, pintu panel kaca, pintu solid dan lain-lain.
4. Memecah dinding dua pihak antara 2 buah kedai / premis.
5. Membuat tambahan terbuka (Shed / Awning) kepada bumbung / dinding sedia ada.
6. Menutup ‘air well’ (diganti dengan pengudaraan mekanikal)
7. Menyatakan **saiz bangunan** dan **dimensi** sambungan yang dicadangkan.
(Rujuk contoh lakaran)
8. Menyatakan **spesifikasi bahan** (seperti yang dinyatakan di atas) yang digunakan bagi tujuan sambungan. (Rujuk Contoh Lakaran).
9. **Tidak melebihi 2 lot** bangunan.
10. Pelan-pelan yang diperlukan iaitu:
 - a) Pelan Lokasi
 - b) Pelan Lantai

10.1 Pelan Lokasi

Pelan Lokasi hendaklah menggunakan pelan komprehensif MBK yang boleh diperolehi daripada Bahagian Kawalan Bangunan atau Bahagian Kawalan Pembangunan dengan harga RM10.00 / Pelan Komprehensif yang sama dari mana-mana yang lain.

10.2 Pelan Lantai

Pelan Lantai boleh diperolehi dari dalam perjanjian jual beli / sewaan premis tersebut.

11. Mewarnakan dinding baru dengan warna merah dan dinding yang akan dipecahkan dengan warna biru untuk menunjukkan perbezaan dan nyatakan kegunaan ruang tersebut.

SURAT AKUAN

Kepada:-

Majlis Bandaraya Kuantan
Kompleks Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih
25100 Kuantan
Pahang Darul Makmur

Saya _____ No.K/P _____ yang
beralamat di _____

Sesungguhnya dengan ini membuat Akuan Bersumpah seperti berikut:-

- a) Saya dengan ini tidak akan menjalankan aktiviti selain daripada yang diluluskan dibawah permohonan ini.
- b) Saya dengan ini mengesahkan untuk mematuhi segala syarat kelulusan yang ditetapkan oleh pihak MBK.
- c) Saya juga tidak akan menuntut sebarang kos dan tidak akan melibatkan MBK dalam sebarang prosedur perundangan yang mungkin berlaku akibat dari kelulusan ini.
- d) Saya dengan ini mengesahkan untuk mematuhi syarat-syarat kelulusan yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Kuantan dan MBK juga berhak untuk membatalkan pelan kelulusan berkenaan pada bila-bila masa saja sekiranya saya melanggar syarat-syarat tersebut.
- e) Saya bersetuju untuk menanggung segala kos yang terlibat sekiranya binaan tersebut perlu dirobohkan atau diarahkan roboh oleh Pihak Majlis
- f) Saya dengan ini membuat perakuan untuk bertanggungjawab sekiranya berlaku apa-apa kegagalan terhadap struktur yang di bina.


Dan saya membuat surat perakuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar, serta menurut Undang-undang Surat Akuan 1960.

Saya yang benar,

Perakuan Pesuruhjaya Sumpah

Tarikh:

CONTOH-CONTOH PELAN YANG DIKEMUKAKAN



MERAH

Binaan Dinding Baru

BIRU

Dinding yang akan dirobohkan

TAJUK PINDAAN

:

NAMA PEMILIK

:

TANDATANGAN :

(_____)